



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

2020 BULETIN MAQIS



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani, No.28, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya, Malaysia.

APRIL

BULETIN @ MAQIS

LEBIH 2,500 KOTAK DAGING KERBAU DARI INDIA GUNA MAKLUMAT YANG MENGELIRUKAN



BUTTERWORTH - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang merampas sebanyak 2,516 kotak daging kerbau sejuk beku dari India kerana penggunaan maklumat yang tidak tepat serta mengelirukan, Sabtu lepas (9 April).

Pengarahnya Muhammad Ikram Abd Talib berkata, pasukan penguat kuasa telah membuat pemeriksaan ke atas sebuah kontena yang membawa produk ruminan daging kerbau sejuk beku di Pelabuhan Pangkalan Kontena Utara Butterworth (NBCT) sebelum merampasnya untuk tindakan lanjut.

"Hasil pemeriksaan mendapati keseluruhan dagangan diimport dari India itu merupakan bahagian kerbau terdiri daripada 1,000 kilogram (kg) hock tendon, ekor (2,988 kg), hati (6,000kg) dan 17,000 kg jantung yang dianggarkan bernilai RM262,079.63."

"Kesemua dagangan tersebut telah ditahan oleh pihak MAQIS untuk tindakan selanjutnya kerana penggunaan maklumat yang tidak tepat dan mengelirukan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728). – Astro Awani.

BULETIN @ MAQIS

BAWA MASUK GELATIN LEMBU TANPA PERMIT IMPORT DITAHAN PIHAK MAQIS

BUTTERWORTH - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk gelatin lembu dari China di Pelabuhan Dermaga Air Dalam (DAD) Butterworth di sini pada Isnin lalu.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Muhammad Ikram Abd Talib berkata, hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh Pegawai Penguat kuasa Maqis mendapati sebanyak 3,000 kilogram (kg) gelatin lembu yang dianggarkan bernilai RM40,322.56 dibawa masuk tanpa permit import Maqis yang sah.

Menurutnya, perbuatan mengimport dagangan tanpa import permit Maqis yang sah adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), akta yang sama.

"Jika sabit kesalahan, pihak bertanggungjawab dengan barangan dagangan berkenaan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali." Kesemua dagangan tersebut ditahan untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

"Muhammad Ikram berkata, pihaknya sentiasa menjalankan pemeriksaan setiap keluaran pertanian yang masuk dalam negara bagi memastikan keluaran pertanian yang diimport mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Langkah itu bagi menjamin keselamatan makanan, bebas daripada perosak dan penyakit serta halal untuk dimakan oleh rakyat". - Sinar Harian



BULETIN @ MAQIS

Kursus Pemantapan Pengurusan Kuarantin Haiwan Dan Pengurusan Aset



Pendedahan berhubung cara pengurusan kuarantin haiwan dan pengurusan aset yang sedang berlangsung di Stesen Kuarantin KLIA Sepang.

Objektif kursus adalah bagi meningkatkan pengetahuan pegawai mengenai pengurusan kuarantin haiwan terutamanya ruang kuarantin, penjagaan dan pemantauan kesihatan haiwan.

1 April 2022 | Sepang



AUDIT BERSAMA JABATAN PERHILITAN MELAKA



MAQIS Melaka telah mengadakan pemeriksaan dan audit bersama agensi luar iaitu Jabatan PERHILITAN Melaka untuk pengauditan kemasukan haiwan liar di Safari Wonderland, Melaka.



1 April 2022 | Alor Gajah



BULETIN @ MAQIS

Majlis bacaan yassin anjuran Kelab Kebajikan Ibu Pejabat MAQIS



Semoga doa dan bacaan Yassin tersebut dapat diangkat sebagai amal soleh tanda kita bersyukur dan bersabar atas apa jua ketentuan Allah SWT.



8 April 2022 | Ibu Pejabat MAQIS Putrajaya.
Turut terlibat, Tuan Shamsul Akhbar bin Sulaiman
Ketua Pengarah MAQIS



KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH MAQIS PULAU PINANG KEATAS KETUA MENTERI PULAU PINANG

8 April 2022 - Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow telah menerima kunjungan hormat dan meluangkan masa mendengar pembentangan oleh Tuan Muhammad Ikram bin Abd Talib, Pengarah MAQIS Negeri Pulau Pinang.

Perbentangan berhubung Jabatan MAQIS serta cabaran semasa yang dihadapi dalam melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan sempadan negara.


Turut dihadiri pegawai-pegawai pejabat ketua menteri dan pegawai penguat kuasa MAQIS.



8 April 2022 | Georgetown



Ustaz Mohd Affendi Mohamed Nor atau lebih dikenali sebagai PU Fendi dijemput untuk memberikan taklimat ringkas berkenaan solat sunat tasbih dan beliau mengetuai solat dhuha dan sunat tasbih.



Semoga segala ilmu yang diturunkan dapat dimanfaatkan dengan keberkatan.

Ceramah “Sentuhan Ramadhan” yang disampaikan oleh Ustaz Mohd Affendi Mohamed Nor



22 April 2022 | Putrajaya



Kunjungan mesra dari pihak Halal International Selangor ke atas Ketua Pengarah MAQIS



11 April 2022 | Ibu Pejabat MAQIS Putrajaya.



www.maqis.gov.my



[@maqismalaysia](https://www.instagram.com/maqismalaysia)



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani, No.28, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya, Malaysia.



Phone No : 03-8870 8000
Fax No : 03-8870 8056

BULETIN @ MAQIS



PROGRAM “AWARENESS”

MAQIS Pulau Pinang telah mengadakan program “awareness” bersama ahli-ahli Persatuan Penghantar Kargo Pulau Pinang (PFFA - *Penang Freight Forwarders Association*) berkenaan tugas-tugas MAQIS dalam penguatkuasaan sempadan negara.

Majlis dimulai dengan pembentangan mengenai pemeriksaan dan penguatkuasaan di pelabuhan yang disampaikan oleh Puan Noriah binti Dahlan dan diteruskan dengan pembentangan pemeriksaan dan penguatkuasaan laluan awam dan penumpang oleh Encik Dasuki bin Awang Hamad. Majlis diteruskan dengan pembentangan oleh Puan Zakiah binti Itam mengenai tatacara transit MAQIS dan diakhiri dengan pembentangan prosedur kuarantin dan tatacara penyakit haiwan oleh Encik Anuar bin Eshak.

26 April 2022 | Batu Maung (secara atas talian)

Kursus Pengurusan Pengauditan Premis Kuarantin Ikan siri 1/2022



25-27 April 2022 | Kuala Lumpur



BULETIN @ MAQIS

PROGRAM INFAQ RAMADAN



MAQIS KEDAH



MAQIS PULAU PINANG





BULETIN @ MAQIS

PROGRAM INFAQ RAMADAN



MAQIS SELANGOR



MAQIS JOHOR



MAQIS KELANTAN



MAQIS MELAKA/NEGERI SEMBILAN

SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:
SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN
Ketua Pengarah MAQIS

PENASIHAT:
DR. AZHARI SHARIDAN BIN ABU BAKAR
Timbalan Ketua Pengarah MAQIS

KETUA EDITOR:
MUHAMMAD IKRAM BIN ABD TALIB

EDITOR:
MOHAMMAD IZWAN BIN MOHAMMAD FOUZEE

